

3.0 KAJIAN PERJANJIAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN (AFTA) DAN KESANNYA KEPADA PENGETAHUAN, PERDAGANGAN DAN PELABURAN SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA

Nik Rozana Nik Mohd Masdek, Dr. Chubashini Suntharalingam, Mohd Khairul Hafifi Maidin, Nor Amna A'liah Mohd Nor dan Mohd Fairuz Othman

3.1 PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebahagian daripada negara yang menyertai dan menyokong inisiatif liberalisasi perdagangan, termasuklah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Penubuhan AFTA adalah satu bentuk kerjasama serantau bagi mewujudkan perdagangan bebas yang seimbang dan adil, di samping meningkatkan daya saing ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN. Kewujudan kawasan perdagangan bebas membolehkan negara ahli menikmati pasaran yang lebih besar dengan sumber-sumber yang lebih luas. Secara teorinya, perdagangan tambahan akan tercipta di kalangan negara-negara anggota kerana mempunyai akses pasaran dan keistimewaan perdagangan bebas melalui perjanjian perdagangan yang ditandatangani. Perdagangan yang asalnya dilakukan dengan negara bukan ahli juga mungkin dihentikan atau berkurangan bagi memberi laluan kepada perdagangan antara negara ahli, memandangkan akses pasaran lebih mudah dan murah. Kelebihan berdaya saing dijangka berlaku dalam ekonomi serantau, seterusnya membawa kepada peningkatan perdagangan yang mendorong kepada pendapatan yang lebih tinggi dan taraf hidup yang lebih baik.


Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Untuk menilai pengeluaran komoditi pertanian terpilih di Malaysia selepas pelaksanaan AFTA.
- ii. Untuk melihat trend komitmen Malaysia berhubung dengan tarif CEPT-AFTA.
- iii. Untuk menilai kesan AFTA terhadap industri pertanian di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada perdagangan dan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI).
- iv. Memberi saranan berdasarkan hasil dapatan kajian bagi meningkatkan sektor pertanian Malaysia.

Selepas lebih 20 tahun penubuhan AFTA, adalah sangat bertepatan untuk satu kajian dijalankan bagi menilai sama ada penubuhannya memberi kesan yang signifikan terhadap sektor pertanian di Malaysia. Perhatian akan diberi kepada penilaian terhadap komitmen pengurangan tarif menurut skim CEPT. Perjanjian-perjanjian yang ditandatangani sepanjang kewujudan AFTA turut dibentangkan. Trend pengeluaran produk pertanian terpilih dinilai, diikuti dengan corak perdagangan produk pertanian terpilih di kalangan negara serantau dan aliran pelaburan langsung asing di Malaysia. Bahagian akhir laporan ini memberi saranan yang dapat memanfaatkan sektor pertanian dan industri asas tani di Malaysia.

3.2 LATAR BELAKANG

Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang telah ditubuhkan pada tahun 1992 ditandatangani oleh enam buah negara iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand (dikenali sebagai ASEAN-6). Negara Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam menyertai AFTA lebih lewat. Cambodia menyertai AFTA pada tahun 1999, Laos dan Myanmar pada 1997 dan Vietnam pada 1995. Gabungan empat buah negara ini dikenali sebagai CLMV.



Rajah 3.1: Negara-negara anggota ASEAN dan AFTA

Objektif utama penubuhan AFTA adalah untuk:


- i) mewujudkan pasaran tunggal dan pusat pengeluaran serantau;
- ii) menarik pelaburan langsung asing; dan
- iii) mengembangkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

3.2.1 Skim CEPT-AFTA

Dalam sektor pertanian, perjanjian yang menuntut keperluan liberalisasi ialah *Agreement on Agriculture* (AoA) bawah WTO dan *Protocol on the Special Arrangement for Sensitive and Highly Sensitive Products* bawah skim CEPT-AFTA. Beberapa dokumen perjanjian yang berkaitan dengan AFTA telah dimeterai. Garis masa yang dipaparkan (*Rajah 3.2*) bertujuan untuk membentangkan mengenai senarai perjanjian dan protokol yang berkaitan dengan AFTA.

Skim CEPT bawah AFTA adalah mekanisme utama yang digunakan oleh ASEAN untuk merealisasikan hasrat perdagangan bebas seperti objektif penubuhan yang dinyatakan di atas. Pada dasarnya, AFTA melalui skim CEPT ini juga merupakan satu langkah yang diambil bagi menyediakan rantau ini menghadapi cabaran daripada liberalisasi yang berlaku secara global. Ia juga bertujuan untuk menghapuskan tarif ke atas perdagangan intra-ASEAN melalui pengurangan tarif yang progresif. Walau bagaimanapun, CEPT pada awalnya tidak meliputi produk pertanian. Hanya pada tahun 1996 telah diputuskan supaya produk pertanian yang belum diproses (*unprocessed agricultural products*, UAP) dimasukkan ke dalam skim CEPT. UAP dikategorikan kepada empat senarai utama:

- i) Senarai kemasukan segera (*inclusion list*, IL)
- ii) Senarai pengecualian sementara (*temporary exclusion list*, TEL)
- iii) Senarai sensitif (*sensitive list*, SL)
- iv) Senarai sangat sensitif (*highly sensitive list*, HSL)



Rajah 3.2: Garis masa perjanjian dan protokol berkaitan AFTA

UAP dalam senarai kemasukan segera dimasukkan pada tahun 1996 dimana pada tahun 2003, tarif ke atas produk-produk ini akan berada dalam julat 0 – 5%. Sekatan kuantitatif (*quantitative restrictions*, QRS) dan halangan bukan tarif (*non-tariff barriers*, NTB) pada produk-produk ini juga akan dihapuskan.

Tarif UAP dalam senarai pengecualian sementara (TEL) perlu dikurangkan secara berperingkat di mana ia akan berada pada julat 0 – 5% pada 2003. Produk bawah senarai sensitif (SL) diberi lebih fleksibiliti dari segi jangka masa pengurangan ke dalam skim CEPT. Walau bagaimanapun, semua produk-produk dalam senarai ini juga akhirnya akan mempunyai tarif antara 0 – 5% menjelang 2010. Antara produk yang tergolong dalam senarai sensitif termasuklah beberapa produk ternakan, buah-buahan tropika, nanas dan tembakau. Untuk produk dalam senarai yang sangat sensitif (HSL), fleksibiliti diberikan kepada nilai pemotongan tarif dan tarif akhir yang diperlukan. Malaysia meletakkan beras dalam senarai HSL dengan tarif akhir sehingga 20%.

Selain keperluan untuk mengurangkan tarif, negara-negara anggota ASEAN juga perlu menghapuskan sekatan kuantitatif (QRS) seperti kuota dan juga sekatan bukan tarif (NTB). Begitu juga hak import monopoli yang diberikan kepada perusahaan perdagangan milik kerajaan perlu dihapuskan. Namun begitu, skop kajian ini terhad kepada skim CEPT yang menuntut pengurangan tarif dan tidak melihat kepada komitmen penghapusan QRS dan NTB. Pada mulanya, pengurangan tarif serantau telah ditetapkan untuk dicapai lebih awal, tetapi perjanjian yang terbaru telah memutuskan untuk mencapainya pada tahun 2015. Sejak tahun 2005, Malaysia telah memasukkan 99.3% baris produk ke dalam Senarai IL bawah skim CEPT. Negara CLMV mempunyai tarikh akhir yang berasingan kerana penyertaannya yang lebih lewat daripada ASEAN-6 ke dalam AFTA, selain mengambil kira struktur ekonomi mereka sebagai negara kurang membangun.

Pada 26 Februari 2009, perjanjian ATIGA (ASEAN Trade in Goods) telah ditandatangani di Thailand dan mula berkuat kuasa pada 17 Mei 2010. ATIGA menggantikan skim CEPT dan menyediakan rangka kerja perundangan yang lebih menyeluruh untuk merealisasikan perdagangan bebas di rantau ini. Kadar asas pengurangan atau pemansuhan kadar tarif masih mengambil kira kadar CEPT pada masa perjanjian ATIGA berkuat kuasa. Dengan kata lainnya, sementara fokus utama CEPT adalah untuk mengurangkan kadar tarif, ATIGA memberi fokus

untuk memansuhkan sekatan bukan tarif, selain memberi penekanan kepada prosedur dan keperluan dokumentasi dan keperluan sanitari dan fitosanitari.

3.2.1 CEPT Dan Komitmen Malaysia

Skim CEPT ialah instrumen utama ke arah menjadikan ASEAN sebuah kawasan perdagangan bebas. Ini bermakna negara-negara anggota ASEAN yang menganggotai AFTA hendaklah mempunyai keseragaman tarif. Namun, tahap tarif dengan negara-negara bukan AFTA akan terus ditentukan secara individu oleh negara masing-masing. Malaysia mempunyai sejumlah 12,581 barisan tarif kesemuanya. Sejumlah 6,767 baris telahpun mencapai 0% pada hujung tahun 2006, dan 2,291 baris pada hujung 2007. Tambahan sebanyak 2,291 barisan tarif telah mencapai kadar 0% pada 2010. Bakinya sebanyak 66 barisan tarif yang merangkumi beberapa produk pertanian ialah buah-buahan tempatan, gula, tembakau dan beras. Senarai ini juga telah dimasukkan ke dalam senarai CEPT untuk melalui proses pengurangan tarif, namun berada di dalam senarai sensitif. Hanya 89 barisan tarif kekal tidak dimasukkan ke dalam CEPT kerana menjaga keselamatan negara, sahsiah rakyat dan untuk tujuan kesihatan. Barang tersebut ialah senjata, peluru, dadah dan beberapa barang lain.

Jika diteliti *Jadual 3.1*, Malaysia menunjukkan penurunan tarif yang baik yang menepatikehendak skim CEPT. Bermula pada tahun 1992 apabila AFTA ditubuhkan, kadar tarif adalah setinggi 46.25% dan 28.75%. Kemudian, seawal tahun 2008 Malaysia telah berjaya mencapai julat tarif 0 – 5%, menunjukkan komitmen negara yang sangat tinggi dalam merealisasikan objektif perjanjian CEPT-AFTA ini.

Dua garisan di dalam graf pada *Rajah 3.3* menunjukkan kadar tarif barang negara Malaysia. Garisan biru merupakan kadar tarif bagi barang yang bermula dengan kadar 50% dan ke atas, manakala garisan merah mewakili barang yang bermula dengan kadar tarif sebanyak 30%. Pengurangan tarif bawah komitmen CEPT dapat dilihat dengan lebih jelas. *Jadual 3.1* menunjukkan jumlah barisan tarif di dalam ATIGA yang dicapai oleh negara anggota AFTA termasuk Malaysia pada 2013. Terkini pada tahun 2015, Malaysia berjaya mencapai 99.23% daripada keseluruhan barisan dengan kadar tarif sifar. Hanya 0.11% yang tinggal dengan kadar tarif antara 0 – 5% iaitu bagi buah-buahan tempatan yang dijangka mencapai tarif sifar menjelang 2016. Untuk produk pertanian lain, beras turut termasuk dalam senarai kemasukan CEPT dan berada dalam senarai kadar tarif melebihi 5% (dihadkan sehingga 20%).

3.2.3 Sorotan Kajian Lepas Tentang Kesan AFTA

Kajian-kajian empirikal lepas kebanyakannya mengkaji sama ada perjanjian perdagangan bebas seperti AFTA mengakibatkan lencongan perdagangan (*trade diversion*) atau mendorong kewujudan perdagangan (*trade creation*). Sebagai contoh, Lim (2013) mengkaji kesan tersebut menggunakan data panel dan membuat kesimpulan bahawa penubuhan ASEAN dan seterusnya AFTA telah menyumbang kepada kewujudan perdagangan produk pertanian. Dapatkan beliau signifikan menunjukkan perjanjian perdagangan bebas dalam konteks ASEAN mewujudkan perdagangan dan tidak menyebabkan lencongan perdagangan.

Sebaliknya, terdapat juga kajian lain menyatakan bahawa AFTA boleh menyebabkan beberapa lencongan perdagangan, mengalihkan dagangan yang asalnya berlaku dengan negara-negara di luar rantau ASEAN, kepada negara-negara serantau yang mungkin sebenarnya kurang cekap (Hapsari dan Mangunsong 2006).


Pengurangan tarif pula didapati mempunyai kesan yang besar dalam meningkatkan eksport dua hala negara-negara ASEAN termasuk Malaysia (Hapsari dan Mangunsong 2006). Ini kerana tarif merupakan satu bentuk sekatan dagangan, di mana kewujudan tarif akan menyebabkan

Jadual 3.1: Jadual pengurangan tarif bawah Skim CEPT-AFTA

Negara	Kadar tarif sedia ada ($\geq 20\%$)	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Brunei	30%	28%	26%	24%	22%	30%	30%	15%	10%	10%	10%	0 – 5%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%
Indonesia	50%	50%	50%	50%	50%	40%	30%	30%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%
40%	40%	40%	40%	40%	40%	30%	30%	30%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%
30%	30%	30%	30%	30%	30%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%
25%	25%	25%	25%	25%	25%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%
Malaysia	50%	46.25%	42.50%	38.75%	35.0%	31.25%	23.0%	27.50%	23.75%	20.0%	20.0%	15.0%	15.0%	10.0%	10.0%	0 – 5%	0 – 5%
30%	28.75%	27.50%	26.25%	25.0%	23.75%	15.0%	22.50%	21.25%	20.0%	20.0%	15.0%	15.0%	10.0%	10.0%	0 – 5%	0 – 5%	
Filipina	46 – 50%	Dalam tempoh ini perintah eksekutif 470 melaksanakan autonomi 5 tahun pengurangan tarif. Program berakhir 1995	45%	40%	35%	30%	25%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%
41 – 45%		40%	35%	30%	25%	25%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	
36 – 40%		35%	30%	30%	25%	25%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	
31 – 35%		30%	30%	30%	25%	25%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	
26 – 30%		25%	25%	25%	25%	25%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	
21 – 25%		20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	
Singapura	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na
Thailand	Lebih 30%	30%	30%	30%	25%	25%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	
	26 – 30%				25%	25%	20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	
	21 – 25%						20%	20%	20%	20%	15%	15%	10%	10%	0 – 5%	0 – 5%	

Sumber: Sekretariat ASEAN

Komitmen Pengurangan Tarif Malaysia, 1993-2014



Sumber: Sekretariat ASEAN

Rajah 3.3: Komitmen pengurangan tarif Malaysia, 1993 – 2014

Jadual 3.2: Jumlah barisan tarif dalam ATIGA, 2013

Negara	Bilangan barisan tarif				Peratus			
	0%	>0%	Lain-lain	Jumlah	0%	>0%	Lain-lain	Jumlah
Brunei (ATHN 2012)	9,844		72	9,916	99.27		0.73	100
Indonesia (ATHN 2012)	9,899	17	96	10,012	98.87	0.17	0.96	100
Malaysia (ATHN 2012)	12,182	73	82	12,337	98.74	0.59	0.66	100
Filipina (ATHN 2012)	9,685	109	27	9,821	98.62	1.11	0.27	100
Singapura (ATHN 2012)	9,558			9,558	100.00			100
Thailand (ATHN 2012)	9,544	14		9,558	99.85			100
ASEAN-6	60,712	213	277	61,202	99.20	0.35	0.45	100
Cambodia (ATHN 2012)	3,327	4,834		8,161	40.77	59.23		100
Laos (ATHN 2012)	7,525	1,946	87	9,558	78.73	20.36	0.91	100
Myanmar (ATHN 2012)	7,614	1,882	62	9,558	79.66	19.69	0.65	100
Vietnam (ATHN 2012)	6,905	2,463	190	9,558	72.24	25.77	1.99	100
CLMV	25,371	11,125	339	36,835	68.88	30.20	0.92	100
Jumlah ASEAN	86,083	11,338	616	98,037	87.81	11.57	0.63	100

Sumber: Sekretariat ASEAN

peningkatan dalam kos transaksi negara pengekspor. Oleh itu, pengurangan tarif melalui AFTA telah menjadi sebab penting bagi hubungan dagangan dua hala yang semakin meningkat (Zulkornain 2009).

Berhubung dengan pengeluaran, simulan telah dijalankan oleh Dermoredjo et al. (2013) di Indonesia yang menunjukkan bahawa tanaman pertanian tertentu, iaitu beras tidak boleh dibenarkan melalui pengurangan tarif kerana ia akan mengurangkan pengeluaran domestik tanaman tersebut. Walau bagaimanapun, bagi beberapa tanaman lain, iaitu jagung dan kacang soya menunjukkan impak daripada AFTA yang positif terhadap pengeluarannya.

Dari segi perdagangan intra-ASEAN, ada pendapat yang mengatakan Malaysia menghadapi persaingan dalam pasaran produk pertanian dari negara-negara pengeluar berkos rendah di rantau ASEAN dan oleh itu diandaikan tidak mendapat banyak manfaat dari CEPT. Tambahan pula, perdagangan intra-ASEAN Malaysia dalam bidang pertanian, walaupun menunjukkan ia meningkat, tetapi masih dianggap kecil berbanding dengan negara lain di dunia (Tengku Ariff 1998). Walau bagaimanapun, realitinya menurut Zulkornain (2009), kesan negatif yang minimum sahaja sebenarnya dirasai dalam sektor pertanian kerana komoditi utama Malaysia iaitu minyak kelapa sawit tidak menerima perlindungan yang banyak atau sebarang subsidi. Berbeza dengan aktiviti pertanian seperti beras dan ternakan seperti ayam

di mana perlindungan banyak diberi atas sebab-sebab jaminan bekalan makanan negara yang mungkin merasai kesan daripada liberalisasi menerusi AFTA.

Baru-baru ini, Lim (2013) mencadangkan bahawa integrasi pertanian ke dalam ekonomi dunia masih dalam proses untuk berlaku secara menyeluruh. Negara-negara ASEAN mempunyai kelebihan yang besar dalam industri pertanian kerana kaya dengan sumber tanah dan mineral penting di mana ASEAN melalui AFTA berpotensi merealisasikan objektif penubuhannya. ASEAN secara keseluruhan mencatatkan lebihan dagangan pertanian hampir USD70 bilion setahun dalam tempoh 2010 – 2012. Beliau juga mengandaikan bahawa semakin perdagangan meningkat, jumlah yang lebih besar daripada pertukaran asing boleh diperoleh dan dilaburkan.

3.3 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan pengumpulan data sekunder. Data sekunder diperoleh daripada pelbagai sumber termasuk Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Sekretariat ASEAN, FAOSTAT dan COMTRADE. Sejarah dan latar belakang penubuhan AFTA, perjanjian yang berkaitan serta skim CEPT merupakan sebahagian daripada maklumat yang dikumpul untuk memahami tentang AFTA terutamanya untuk melihat komitmen Malaysia dalam mengikuti jadual skim CEPT. Sorotan kajian lepas turut dirumuskan bagi memberi gambaran dapatan kajian lalu. Data untuk pengeluaran pertanian, khususnya tanaman makanan terpilih serta data pengeluaran bagi tanaman industri telah dikumpulkan untuk dibandingkan dan dianalisis. Antara analisis yang dikira ialah purata dan kadar pertumbuhan tahunan. Indeks Pendedahan Kelebihan Berbanding (*Revealed Comparative Advantage, RCA*) turut dijalankan menggunakan pemboleh ubah yang dijana daripada data dagangan untuk mengukur kelebihan berbanding buah-buahan keluaran Malaysia. Indeks ini telah terbukti menjadi satu alat pengukur yang berguna dalam mengenal pasti kelebihan berbanding Malaysia dalam industri buah-buahan. Skop analisis ini terhad kepada kelebihan atau kelemahan Malaysia terhadap negara pesaing dalam tempoh 2008 – 2014 untuk buah-buahan tropika terpilih seperti pisang, tembakai, betik, nanas, belimbing dan mangga. Selain itu, data pelaburan langsung asing (FDI) dikumpulkan untuk melihat aliran masuk selepas kewujudan AFTA. Data import dan eksport turut dikumpulkan untuk mengkaji peningkatan atau penurunan dalam perdagangan antara Malaysia dan negara-negara anggota AFTA lain yang juga dikenali sebagai perdagangan intra-ASEAN.

3.4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


3.4.1 Pengeluaran

Dasar dan program kerajaan di peringkat awal pembangunan negara umumnya adalah untuk meningkatkan pendapatan pengusaha atau petani dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan dalam sektor pertanian, selain untuk mengurangkan jurang perbezaan antara sektor pertanian dan bukan pertanian. Oleh itu, strategi pembangunan pertanian pada 1960-an dan 1970-an khasnya memberi tumpuan kepada matlamat untuk mengurangkan kadar kemiskinan, menyediakan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar dan meningkatkan pendapatan petani. Kebanyakan dasar juga adalah berorientasikan eksport untuk menggalakkan pertukaran wang asing. Oleh itu, tanaman ladang untuk tujuan eksport terutamanya getah, kelapa sawit dan koko digalakkan secara aktif. Manakala beberapa sektor makanan pula diberi perlindungan bertujuan melindungi pengeluar dan menjimatkan pertukaran asing, sejajar dengan strategi penggantian import pada waktu itu.

Rajah 3.4 menunjukkan graf pengeluaran untuk sayur-sayuran terpilih di dalam negara. Kuantiti pengeluaran untuk sayur-sayuran jatuh bawah nilai 100 ribu tan metrik. Pengeluaran bagi beberapa jenis sayur dilihat agak statik sepanjang tahun, di samping beberapa pengeluaran sayur yang sangat tidak menentu atau tidak dapat diramalkan. Namun, bermula selepas 2009 banyak peningkatan pengeluaran berlaku, berikutan penambahan di dalam kawasan penanaman sayur.


Bagi komoditi buah-buahan (*Rajah 3.5*), pengeluaran agak statik pada awal tahun, tetapi menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2008. Namun begitu, tahun 2009 tiba-tiba mencatat penurunan drastik bagi pengeluaran buah. Pengeluaran mungkin terjejas pada tahun 2009 berikutan krisis kewangan global yang berlaku yang mana pelaburan langsung asing turut terjejas pada 2009 (dibincangkan di seksyen 3.4.3). Input seperti baja dan racun yang banyak didapati daripada sumber luar negara agak menjelaskan pengeluaran pada tahun tersebut.

Rajah 3.6 menunjukkan graf pengeluaran komoditi ternakan yang menunjukkan pengeluaran yang hampir statik sepanjang 10 tahun bagi daging lembu dan kerbau, daging




Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

Rajah 3.4: Pengeluaran sayur-sayuran terpilih, 2000 – 2014 ('000 tan metrik)




Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

Rajah 3.5: Pengeluaran buah-buahan terpilih, 2000 – 2014 (tan metrik)



Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Rajah 3.6: Pengeluaran komoditi ternakan, 2004 – 2014 ('000 tan metrik)



Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Rajah 3.7: Pengeluaran telur dan susu, 2004 – 2014

kambing dan bebiri, dan daging babi. Ternyata tahap sara diri untuk komoditi daging masih jauh untuk dicapai. Hanya untuk pengeluaran daging ayam dan itik sahaja menunjukkan kemajuan dan memberi gambaran jaminan bekalan daging ayam dan itik adalah pada tahap sara diri yang baik. Ini diikuti dengan graf pengeluaran susu dan telur ayam/itik di dalam negara (*Rajah 3.7*). Biarpun graf menunjukkan trend menaik, namun peningkatan pengeluaran sebenarnya sangat sedikit dan perlahan.

Analisis berikut mengira kadar pertumbuhan tahunan dan purata pengeluaran makanan terpilih (buah-buahan dan sayur-sayuran). Untuk memudahkan analisis trend pertumbuhan, data telah dibahagikan kepada tempoh pengeluaran 5 tahun (rujuk *Jadual 3.3*). Pada tahun 2000 – 2004, pengeluaran buah dan sayur mencatatkan purata 1.6 tan metrik (mt) dan 0.4 mt dengan pertumbuhan masing-masing sebanyak 5.53% dan 5.78%. Sebaliknya, 5 tahun berikutnya menyaksikan penurunan kadar pertumbuhan pengeluaran buah-buahan dengan rekod pertumbuhan -2.10% setahun. Walau bagaimanapun, ia pulih sedikit bagi tempoh 2010 – 2014 dengan 0.65% kadar pertumbuhan yang dicatat. Walaupun pengeluaran sayur-sayuran mencatatkan kadar pertumbuhan positif setiap tempoh 5 tahun, tetapi kadar pertumbuhan tahunan bagi tempoh 15 tahun (2000 – 2014) mencatatkan pertumbuhan negatif

Jadual 3.3: Kadar Pertumbuhan Tahunan (AGR) dan purata bagi pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran

Tahun	Buah	Sayur	Buah	Sayur	
	Jumlah pengeluaran (mt)		Purata (mt) & AGR/5 thn	AGR, % (2000 – 2014)	Purata (mt) & AGR/5 thn
2000	1,389,127	410,318			
2001	1,447,142	384,954	1,623,168		445,870
2002	1,873,152	434,434		5.53	5.78
2003	1,673,307	482,491			
2004	1,733,109	517,150			
2005	1,986,426	514,942			
2006	1,780,777	553,227	1,856,293		527,651
2007	1,768,618	476,077		-2.10	3.77
2008	1,919,540	495,304			
2009	1,826,101	598,704			
2010	2,035,551	800,346			
2011	2,044,716	888,090	2,052,742		1,008,503
2012	2,077,370	957,740		0.65	10.14
2013	2,016,986	1,195,835			
2014	2,089,082	1,200,502		-2.91	-7.67

Jadual 3.4: Kadar pertumbuhan tahunan dan purata pengeluaran ternakan


Tahun	Pengeluaran daging ('000 MT)					Susu (juta/liter)	Pengeluaran ternakan ('000 MT)	Purata (MT) dan AGR/5 thn
	Lembu/kerbau	Kambing/bebiri	Babi	Ayam/itik	Telur ayam/itik			
2004	27	1	200	927	434	39	1,628	
2005	29	1	218	980	443	41	1,713	
2006	32	2	217	1,035	465	45	1,796	1,799
2007	35	2	200	1,100	492	51	1,880	-4.85
2008	38	2	195	1,163	523	56	1,977	
2009	42	2	206	1,202	556	62	2,008	
2010	47	2	234	1,296	590	67	2,168	
2011	49	3	214	1,334	621	71	2,222	2,265
2012	51	4	218	1,374	644	72	2,292	-4.26
2013	52	4	217	1,458	684	74	2,416	
2014	52	5	216	1,496	717	75	2,485	

sebanyak -7.67%. Begitu juga untuk pengeluaran buah-buahan di mana AGR ialah -2.91% setahun bagi tempoh yang sama.

Jadual 3.4 menunjukkan purata dan AGR untuk pengeluaran ternakan. Pengeluaran ternakan Malaysia menurun sebanyak -4.85% bagi tempoh 2004 – 2008 dan seterusnya mencatatkan kira-kira -4.26% setahun bagi tempoh 6 tahun berikutnya, walaupun purata menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 2.2 tan metrik. Sementara itu, purata pengeluaran bagi sektor perikanan (rujuk *Jadual 3.5*) meningkat daripada 1.5 tan metrik (2004 – 2008) kepada 2.0 tan metrik (2009 – 2013). Walau bagaimanapun, pengeluaran perikanan juga mencatatkan kadar pertumbuhan yang negatif sekitar -3.00% setahun. Hal ini menunjukkan pengeluaran yang agak lemah dalam komoditi agromakanan utama negara. Kerajaan dilihat kurang memberi perhatian untuk mendorong pengeluaran dalam sektor ini memandangkan akses pasaran untuk mengimport komoditi ini semakin mudah dengan kewujudan AFTA serta


Jadual 3.5: Kadar pertumbuhan tahunan dan purata pengeluaran perikanan

Tahun	Akuakultur	Perikanan marin	Pengeluaran perikanan ('000 MT)	Purata (MT) dan AGR/5 thn
2004	202	1,332	1,534	
2005	207	1,210	1,417	
2006	212	1,372	1,584	1,587
2007	269	1,381	1,650	-3.28
2008	354	1,395	1,749	
2009	472	1,393	1,865	
2010	581	1,429	2,010	
2011	527	1,373	1,900	2,012
2012	634	1,472	2,106	-3.88
2013	660	1,518	2,178	



Sumber: FAOSTAT

Rajah 3.8: Pengeluaran teh dan kopi Malaysia, 1965 – 2013



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Rajah 3.9: Pengeluaran getah asli Malaysia, 2000 – 2014

tarif bagi komoditi tersebut yang sebahagian besarnya telah mencapai sifar dan import menjadi lebih murah.

Rajah 3.8 menunjukkan graf pengeluaran kopi dan teh diikuti dengan Rajah 3.9 dan Rajah 3.10 yang menunjukkan graf pengeluaran getah dan minyak kelapa sawit di negara ini. Ia tidak menghairankan apabila melihat jurang yang besar dalam pengeluaran antara komoditi makanan dan tanaman industri di Malaysia jika kita memahami konteks sejarahnya. Sektor tanaman industri menjadi tunggak pertanian Malaysia sejak zaman British sebelum merdeka



Sumber: FAOSTAT

Rajah 3.10: Pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia, 1965 – 2013

lagi. Berbanding dengan subsektor yang lain, tanaman industri menerima perhatian yang lebih dari segi peruntukan bajet, program pembangunan serta sokongan kerajaan semasa fasa awal pembangunan sektor pertanian.

Oleh yang demikian, adalah sangat ketara bahawa sektor pertanian Malaysia sebahagian besarnya menghasilkan tanaman industri tetapi kurang menghasilkan makanan. Selama bertahun-tahun sebelum ini, tumpuan diberikan lebih kepada mengekalkan pengeluaran tanaman industri seperti kelapa sawit, berbanding tanaman makanan utama seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan mahupun ikan. Tahap sara diri Malaysia sangat rendah dalam pengeluaran makanan. Malaysia banyak bergantung kepada makanan import dan pengeluaran dalam negara tidak mampu memenuhi tahap penggunaan dan permintaan populasinya (Dasar Agromakanan Negara, 2011 – 2020). Kewujudan AFTA menyumbang kepada trend pengeluaran yang agak rendah bagi komoditi makanan negara kerana akses pasaran dan perdagangan komoditi makanan menjadi lebih mudah dan murah di kalangan negara anggota. Faktor lain yang turut menyumbang kepada trend ini adalah kecenderungan penanaman tanaman industri yang lebih tinggi berbanding dengan penanaman makanan utama oleh petani atau syarikat korporat.

3.4.1 Analisis Revealed Comparative Advantage (RCA) Bagi Buah-Buahan Terpilih

Tujuan analisis RCA dikira adalah untuk mengetahui kedudukan Malaysia di kalangan negara-negara terpilih untuk buah-buahan seperti pisang, tembakai, betik, nanas, belimbing dan mangga. Dapatan daripada analisis ini berguna untuk menilai sama ada buah-buahan ini mempunyai kelebihan berbanding dengan negara-negara lain di pasaran eksport antarabangsa. Empat buah negara anggota AFTA termasuk dalam analisis, manakala negara anggota yang lain digugurkan kerana data dagangan yang tidak lengkap. China dan India pula terpilih untuk dianalisis disebabkan dua negara ini tergolong sebagai negara pengeksport utama pasaran buah-buahan tersebut. Keputusan analisis adalah seperti dalam *Jadual 3.6*.

Pisang

Dalam tempoh enam tahun (2009 Filipina 2014) yang dikaji, Malaysia menunjukkan sedikit kelebihan berbanding dengan China. Kelebihan yang jauh lebih besar adalah dengan Indonesia. Walau bagaimanapun, India, Filipina dan Thailand menunjukkan kelebihan yang tinggi berbanding dengan Malaysia dalam dagangan buah pisang. Hasil kajian ini boleh dilihat sebagai rentetan daripada dapatan kajian sebelum ini yang dibuat oleh Suntharalingam

Jadual 3.6: Keputusan analisis RCA, 2009 – 2014

	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Pisang						
Malaysia vs China	0.7	0.9	0.8	1.0	0.9	1.6
Malaysia vs India	-1.5	-1.4	-0.8	-0.9	-0.5	-1.1
Malaysia vs Indonesia	n.a.	5.1	2.1	2.2	1.1	n.a.
Malaysia vs Filipina	-5.8	-5.6	-5.8	-6.3	-6.3	-6.3
Malaysia vs Thailand	-0.2	0.0	-1.6	-0.5	-0.3	-0.6
Tembikai						
Malaysia vs China	0.7	1.0	0.7	0.5	0.4	0.2
Malaysia vs India	1.6	1.4	1.5	1.7	1.6	1.8
Malaysia vs Indonesia	n.a.	6.5	4.8	4.4	3.8	n.a.
Malaysia vs Filipina	3.4	2.5	3.4	2.8	5.0	4.8
Malaysia vs Thailand	4.8	5.2	5.4	5.2	5.5	5.8
Betik						
Malaysia vs China	5.1	5.4	3.2	2.4	2.3	1.5
Malaysia vs India	0.6	0.7	0.5	0.7	1.0	1.0
Malaysia vs Indonesia	n.a.	4.6	2.9	5.8	5.9	n.a.
Malaysia vs Filipina	-0.7	-0.2	-0.8	-0.9	-0.9	-0.6
Malaysia vs Thailand	3.0	2.5	1.7	2.3	2.9	2.6
Nanas						
Malaysia vs China	2.1	2.1	1.6	1.8	1.8	2.4
Malaysia vs India	2.1	1.9	1.4	1.7	1.6	1.4
Malaysia vs Indonesia	n.a.	5.2	7.8	4.1	4.2	n.a.
Malaysia vs Filipina	-4.0	-3.6	-4.3	-4.6	-4.7	-4.3
Malaysia vs Thailand	7.1	5.3	4.9	4.9	4.5	4.7
Malaysia vs Vietnam	0.7	0.9	-0.7	2.8	4.2	n.a.
Belimbing						
Malaysia vs China	-0.7	-0.8	-1.4	-1.6	-1.5	-1.5
Malaysia vs India	-0.9	-0.4	-1.0	-1.0	-0.8	-1.0
Malaysia vs Indonesia	n.a.	2.0	2.2	1.9	1.8	n.a.
Malaysia vs Filipina	3.9	4.4	2.0	3.9	4.0	3.1
Malaysia vs Thailand	-2.0	-2.0	-2.7	-2.9	-2.7	-2.7
Mangga						
Malaysia vs China	1.1	0.8	0.6	0.7	1.2	1.4
Malaysia vs India	-4.4	-4.8	-4.2	-3.7	-2.6	-2.3
Malaysia vs Indonesia	n.a.	-1.4	-1.3	-1.8	0.4	n.a.
Malaysia vs Filipina	-3.9	-4.7	-5.2	-4.9	-3.5	-3.6
Malaysia vs Thailand	-2.9	-3.4	-3.3	-3.6	-2.8	-2.5

Sumber: Pengiraan penulis daripada data COMTRADE

et al. (2011) yang mana antara lima buah negara, Malaysia didapati kalah kepada saingan rapatnya, Filipina dari tahun 2000 – 2008. Kombinasi dapatkan kajian beliau dengan dapatan terkini menunjukkan bahawa Malaysia mulai hilang kelebihan dalam pasaran eksport buah pisang terhadap Filipina, India dan Thailand, namun mengekalkan kelebihan yang lebih tinggi berbanding Indonesia dan China dalam tempoh 15 tahun yang lepas (2000 – 2014).

Tembikai

Sepanjang 6 tahun yang lalu, Malaysia mempunyai kelebihan yang tinggi di pasaran global tembikai. Ia mempunyai kelebihan yang ketara dalam mengeksport tembikai berbanding dengan Filipina, Thailand dan Indonesia. Ia juga mempunyai kelebihan yang sederhana

berbanding dengan India dan kelebihan yang agak kecil berbanding dengan China. Keputusan RCA ini adalah sama dengan keputusan yang dicapai oleh Suntharalingam et al. (2011). Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai kekuatan yang stabil bagi pasaran tembikai sejak 15 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak patut berasa selesa tanpa usaha berterusan mengekalkan kelebihan ini. Ia perlu berjaga-jaga terutamanya dengan China kerana keputusan menunjukkan jurang persaingan antara Malaysia dan China semakin mengecil setiap tahun.

Betik

Malaysia mempunyai kelebihan ke atas semua pesaingnya kecuali Filipina dalam pasaran eksport betik. Sebelum 2006, Malaysia merupakan peneraju dalam eksport betik dan merupakan antara lima pemain utama Asia (Suntharalingam et al. 2011). Malangnya, sejak lapan tahun lalu, Malaysia tidak lagi berdaya saing dalam pasaran global betik. Walaupun ia mempunyai kelebihan yang lebih besar berbanding dengan Indonesia dan Thailand dalam mengeksport betik ke pasaran dunia, ia semakin lemah dan kehilangan daya saing kepada China dan India.

Nanas

Di dalam pasaran nanas, Malaysia menunjukkan bahawa ia mempunyai kelebihan ke atas empat daripada lima pesaingnya. Filipina terus menjadi juara dalam tempoh enam tahun yang lalu. Perkara ini disokong oleh Suntharalingam et al. (2011) semasa kajian mereka dalam tempoh 2000 – 2008. Walaupun Filipina tidak dapat disaingi, agak membanggakan apabila Malaysia mengekalkan kelebihan dalam pasaran nanas berbanding dengan China, India dan Indonesia sejak 15 tahun yang lalu. Lebih baik lagi adalah kelebihan Malaysia yang sangat ketara ke atas Thailand dalam mengeksport nanas ke seluruh dunia. Penurunan tarif melalui AFTA boleh dikaitkan dengan kemajuan yang sangat positif dan sangat signifikan ini, namun untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang lain memerlukan satu kajian yang lebih mendalam.

Belimbing dan mangga

Antara tahun 2009 sehingga 2014, Malaysia mempunyai kelebihan ke atas Indonesia dan Filipina dalam pasaran eksport belimbing. Malangnya, ia telah kehilangan daya saing kepada China, India dan Thailand. Sementara itu bagi pasaran global mangga, hanya dengan negara China sahaja Malaysia mempunyai kelebihan. Malaysia kalah dengan India, Indonesia, Filipina dan Thailand.


Hasil daripada keputusan RCA ini memberi petunjuk kepada Malaysia bahawa penurunan tarif melalui AFTA juga telah membuka pintu persaingan di kalangan negara-negara anggota AFTA yang lain. Walaupun perdagangan intra-ASEAN meningkat dengan signifikan, namun jika diteliti dengan lebih mendalam setiap komoditi buah, dapat dilihat bahawa Filipina mendahului dalam mengeksport mangga, nanas dan pisang. Thailand pula dilihat terkehadapan dari Malaysia dalam pengeksportan belimbing dan pisang. Sebaliknya, Malaysia boleh mengekalkan pengaruhnya di dalam pasaran global tembikai.

3.4.2 Aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI)

Pelaburan langsung asing (FDI) merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan dan transformasi ekonomi Malaysia, terutamanya dalam mewujudkan industri baru, meningkatkan kapasiti pengeluaran, pekerjaan dan perdagangan. Selama ini, berlaku peningkatan beransur ansur dalam perdagangan dan pelaburan antara negara ASEAN. Dianggarkan bermula hanya

dengan 10% perdagangan intra-ASEAN pada 20 tahun yang lalu, ia kini mencapai kira-kira 24% sehingga 25%. Ini merupakan satu peningkatan besar dari segi perdagangan serantau (Sekretariat ASEAN).

Pemerhatian ke atas pelaburan langsung asing (FDI) tahunan melihat aliran masuk yang agak stabil (*Rajah 3.11*). Selepas penubuhan AFTA pada 1993, negara mengadapi dua episod krisis kewangan pada 1997/1998 dan sekali lagi pada 2007/2008. Tidak hairanlah, penurunan 1997 – 1998 adalah disebabkan oleh krisis kewangan Asia. Pada tahun 2001 dan 2009, penurunan FDI yang mendadak direkodkan, sejajar dengan trend dunia berikutnya berakhirnya




Sumber: UNCTAD

Rajah 3.11: Aliran masuk pelaburan langsung asing, 1992 – 2013 (USD)

gelembung teknologi dan krisis kewangan global (Bank Negara Malaysia). Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain adalah tidak terkecuali dalam menghadapi pemulihran ekonomi yang perlahan dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Bagi negara ASEAN, jumlah aliran masuk FDI berjumlah USD122.4 bilion pada tahun 2013, mewakili FDI tertinggi serantau yang mengalir masuk, di mana sebanyak USD21.32 bilion berpunca daripada pelaburan negara-negara anggota AFTA. Bagi Malaysia pula, aliran masuk FDI mencapai kemuncaknya pada tahun 2011. Selepas penurunan mendadak pada 2001 dan 2009, Malaysia berjaya mengembalikan kepercayaan pelabur pada tahun-tahun berikutnya. Hal ini menunjukkan, Malaysia sebagai sebahagian daripada AFTA berjaya bangkit semula dan pulih dengan baik selepas krisis-krisis ekonomi yang berlaku, yang turut melanda negara-negara besar dunia seperti Eropah dan Amerika Syarikat. Keteguhan eksport negara menunjukkan daya tahan ekonomi Malaysia terhadap kejutan luaran.

Senario di atas adalah untuk FDI keseluruhan yang turut merangkumi sektor pembuatan dan perkhidmatan. Mengambil kira senario dalam sektor pertanian yang mungkin berbeza, penumpuan diberi kepada aliran masuk FDI ke dalam sektor pertanian sahaja. Trend FDI selama 10 tahun nampaknya sangat tidak menentu dari tahun 2003 hingga 2013 (*Rajah 3.12*). Pelaburan masuk langsung adalah negatif bagi tahun 2003, iaitu direkodkan sebanyak -USD67 juta, diikuti dengan 2 tahun kenaikan yang positif. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan drastik pada tahun 2006 (-USD101 juta) dan sekali lagi pada tahun 2009 (-USD68 juta). Sebahagian besar penurunan ini adalah berkaitan dengan kemelesetan ekonomi dunia. Terkini, pada tahun-tahun kebelakangan ini dari 2010 sehingga 2013 menunjukkan trend yang lebih positif, dengan aliran masuk FDI pertanian dicatatkan positif melebihi USD25 juta, dengan catatan FDI pertanian tertinggi pada tahun 2013 berjumlah hampir USD80 juta.



Sumber: ASEANSTAT

Rajah 3.12: Aliran pelaburan langsung asing sektor pertanian, 2003 – 2013

Perbezaan yang ketara diperhatikan dalam FDI pertanian dan FDI keseluruhan. Sektor pertanian nampaknya tidak mampu menarik pelabur untuk melabur dengan agresif dalam sektor ini. Galakan insentif tambahan mungkin diperlukan selain promosi penggalakan pelaburan yang khusus dalam bidang pertanian, bagi menarik lebih banyak aliran masuk FDI dalam sektor ini.

Jadual 3.7: Aliran masuk pelaburan langsung asing ke Malaysia bagi sektor pertanian, perikanan dan perhutanan tahun 2003 – 2013 (USD juta)

Malaysia	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Pertanian, perikanan dan perhutanan	-67	14	98	-101	2.016	77	-68	28	40.5	33.0	79.8

Sumber: ASEANSTAT


Nilai-nilai negatif aliran masuk FDI bagi tahun tertentu menunjukkan bahawa nilai pelaburan yang keluar atau ditarik balik oleh pelabur asing adalah lebih besar daripada modal yang baru dilabur di Malaysia. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah pelaburan langsung asing yang masuk ke sektor pertanian tidak kukuh atau mampan walaupun dengan kewujudan AFTA. Ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia sememangnya berorientasikan ekonomi perindustrian di mana aliran masuk FDI masuk terutamanya ke dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Nampaknya, selari dengan usaha integrasi serantau seperti AFTA, adalah penting juga untuk meningkatkan usaha membina infrastruktur yang lebih baik, insentif yang lebih menarik, dan bekalan buruh yang lebih murah dan mahir, supaya dapat menarik lebih banyak pelaburan ke dalam sektor pertanian.

3.4.3 Perdagangan Malaysia-ASEAN

Perdagangan antarabangsa adalah amat penting kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Malaysia meletakkan kepentingan yang tinggi dalam sistem perdagangan yang kuat, terbuka dan berdaya maju. AFTA menyediakan satu ruang untuk mengukuhkan sistem perdagangan di kalangan negara-negara di rantau ini. Pasaran eksport terbesar Malaysia ialah ASEAN. Eksport ke ASEAN meningkat sebanyak 4.7 kali ganda daripada RM42.9 juta dalam tahun 1994 kepada lebih RM200 juta dalam tahun 2013. Jumlah perdagangan dengan ASEAN dalam tahun 2014 berjumlah RM389 juta. Perdagangan dengan ASEAN menghasilkan dagangan positif setiap tahun.

Produk utama yang diimpor dari Singapura adalah makanan ternakan, sediaan bijirin dan minuman. Beras dan gula pula merupakan import utama dari Thailand, manakala minyak sawit, kopi dan teh antara komoditi yang datang dari Indonesia. Komoditi import utama dari Vietnam adalah bijirin dan sediaan bijirin.

Singapura berterusan sebagai rakan eksport pertanian Malaysia yang utama (*Rajah 3.14*). Ini diikuti oleh Thailand dan Indonesia, di mana kebanyakan produk pertanian seperti tembakau, koko, lemak haiwan dan lemak sayuran Malaysia dieksport ke negara-negara tersebut. Vietnam dan Filipina juga memegang peratusan yang agak besar sebagai destinasi eksport barang pertanian Malaysia. Ini menunjukkan pasaran eksport Malaysia di kalangan negara anggota AFTA sangat baik, tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada negara-negara luar. Lebih-lebih lagi, negara-negara CLMV (Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam) turut menyumbang sebagai destinasi barang eksport negara Malaysia. Contohnya, input pertanian seperti baja, ubat-ubatan veterinar dan racun kulat adalah antara komoditi dari Malaysia yang dieksport ke Myanmar setiap tahun. Malaysia sebagai salah satu daripada negara anggota AFTA telah menunjukkan komitmennya dengan memecahkan sekatan dagangan serta membuka




Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Rajah 3.13: Import pertanian Malaysia daripada negara-negara ASEAN, 1993 – 2014

Dalam masa yang sama Malaysia mengimport banyak barang dagangan dari negara ASEAN. Selain barang makanan seperti ikan, daging, bijiran dan produk tenusu, input pertanian seperti baja, racun dan peralatan pertanian turut sama diimport. Produk pertanian lain seperti rumput laut, biji benih, bunga-bungaan dan tanaman hiasan juga banyak diimport dari negara ASEAN.

Dua negara ASEAN yang menduduki tangga teratas untuk import pertanian Malaysia ialah Indonesia dan Thailand (*Rajah 3.13*), Singapura pada tahun-tahun awal selepas penubuhan AFTA. Namun dari tahun 2008 dan seterusnya, Vietnam mengatasi Singapura lalu menjadi tiga negara AFTA utama sebagai sumber import pertanian Malaysia, selain Indonesia dan Thailand.



Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Rajah 3.14: Eksport pertanian Malaysia kepada negara-negara ASEAN, 1993 – 2014

pelaburan di kalangan negara-negara anggota. Secara keseluruhan, perdagangan serantau terus berkembang dan kini mencecah 24% daripada perdagangan global ASEAN sebanyak USD2.5 trillion.

Jadual 3.8 menunjukkan peningkatan atau penurunan nilai eksport Malaysia sejak pelaksanaan skim CEPT-AFTA. Secara umumnya eksport ke semua negara menunjukkan peningkatan yang positif. Ini lebih ketara dapat dilihat dengan negara Laos di mana sebelum tahun 1993 apabila kadar tarif Malaysia masih tinggi, Laos tidak pernah mengimport sebarang hasil pertanian dari Malaysia. Malah, peratusan peningkatan eksport ke Laos dalam tempoh 12 tahun (2001 – 2013) adalah sangat tinggi dan mempunyai hubungan secara langsung dengan penurunan tarif. Peningkatan eksport hasil pertanian dari Malaysia berterusan ke semua negara-negara anggota AFTA sejajar dengan penurunan kadar tarif bawah skim CEPT. Ternyata, perdagangan mula berlaku dengan negara yang sebelum ini tidak pernah mempunyai hubungan perdagangan dengan Malaysia sebelum AFTA berkuat kuasa pada tahun 1993.

Jadual 3.8: Kadar kenaikan eksport ke negara anggota AFTA selaras dengan penurunan tarif

Tahun	1993	2001	1993 – 2001	2013	2001 – 2013
Kadar tarif	30 – 50%	20%	Kadar kenaikan eksport (%)	0 – 5%	Kadar kenaikan eksport (%)
Singapura	3,566,717	4,228,885	19	8,609,298	104
Indonesia	245,142	985,615	302	4,037,016	310
Brunei	134,630	330,244	145	619,578	88
Filipina	271,209	536,048	98	2,583,875	382
Thailand	844,393	1,164,600	38	3,827,625	229
Vietnam	45,932	512,547	1016	3,201,374	525
Myanmar	189,638	195,096	3	943,431	384
Laos	0	208	0	4,869	2,238
Cambodia	5,534	66,234	1097	212,091	220
Jumlah eksport ke ASEAN	5,303,195	8,019,477		24,039,156	

Jadual 3.9: Kadar kenaikan import dari negara anggota AFTA selaras dengan penurunan tarif

Tahun	1993	2001	1993 – 2001	2013	2001 – 2013
Kadar tarif	30 – 50%	20%	Kadar kenaikan import (%)	0 – 5%	Kadar kenaikan import (%)
Singapura	371,586	669,789	80	2,527,148	277
Indonesia	854,917	2,632,413	208	8,176,850	211
Brunei	367	1,343	266	1,286	-4
Filipina	117,847	410,651	248	900,806	119
Thailand	1,090,039	2,979,132	173	9,221,377	210
Vietnam	190,753	263,927	38	4,021,508	1424
Myanmar	43,857	233,291	432	557,270	139
Laos	0	313	0	557	78
Cambodia	33,161	58,334	76	377,638	547
Jumlah import dari ASEAN	2,702,527	7,249,193		25,784,441	

Jadual 3.9 menunjukkan peningkatan atau penurunan nilai import Malaysia sejak pelaksanaan skim CEPT-AFTA. Selain import dari negara Brunei yang mencatat nilai negatif, secara umumnya import dari negara lain mencatatkan peningkatan. Peningkatan ini sudah tentu turut berlaku memandangkan akses pasaran menjadi lebih luas dan mudah. Lin See-Yan dalam bukunya bertajuk “The Global Economy in Turbulent Times” menegaskan import tidak sepatutnya dilihat dari sudut yang negatif. Beliau memberi contoh peningkatan ketara import negara India tidak memusnahkan sektor pembuatan negara tersebut. Sebaliknya telah merangsang pertumbuhan domestik sektor tersebut pada tahun 1990-an melalui peningkatan kecekapan dalam sistem dan kaedah pengeluaran, kualiti barang yang lebih tinggi, harga yang lebih berdaya saing dan akses pasaran yang lebih luas. Merujuk kepada *Jadual 3.9*, sudut yang positif perlu dilihat dengan berlakunya kewujudan dagangan atau *trade creation* dengan negara Laos di mana semasa kadar tarif produk pertanian masih tinggi sebelum 1993, Malaysia tidak pernah mempunyai hubungan dagangan hasil pertanian dengan Laos.

3.5 SARANAN

Sasaran AFTA adalah untuk mencapai kadar tarif sifar dalam kalangan negara anggotanya dan menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah kawasan perdagangan bebas. Malaysia berada pada landasan yang betul dalam aspek pengurangan tarif barang dagangannya. Kini, tarif bukan lagi menjadi penghalang kepada import dan eksport di pasaran antarabangsa. Untuk kekal berdaya saing, penekanan harus diberikan kepada faktor-faktor lain yang boleh menjelaskan permintaan eksport. Contohnya, pembangunan produk hiliran baru yang boleh meningkatkan kualiti eksport, ataupun hasilan pertanian yang memiliki nilai tambah dan berupaya memenuhi cita rasa pengguna di negara pengimport.

Berdasarkan kepada komoditi buah-buahan yang mana Malaysia mempunyai daya saing yang tinggi, fokus boleh diberikan untuk mengetengahkan buah premium keluaran Malaysia. Inisiatif promosi berterusan atau kerjasama antara kementerian pertanian dan pelancongan boleh membantu dalam memperkenalkan buah-buahan Malaysia kepada pelawat atau pelancong dari luar negara, yang boleh meningkatkan permintaan dan meningkatkan kelebihan buah-buahan tempatan Malaysia di mata dunia.

Pengeluaran tanaman makanan tidak wajar diabaikan dengan hanya memberi tumpuan sumber tanah dan sumber kewangan untuk tanaman industri sahaja. Ini adalah untuk tujuan meningkatkan jaminan bekalan makanan negara. Oleh itu, sumber-sumber negara seperti peruntukan tanah, air dan baja, insentif penanaman, atau bantuan kewangan perlu diperuntukkan untuk pengeluaran tanaman

makanan utama supaya negara tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan dari negara luar. Namun, diakui perdagangan dalam produk makanan dan pertanian di kalangan negara anggota ASEAN adalah cara yang berkesan dalam memastikan jaminan keselamatan makanan negara serantau. Perdagangan serantau yang berterusan akan membolehkan sumber-sumber yang ada digunakan dengan lebih cekap.

Bagi negara-negara membangun, pelaburan langsung asing dianggap salah satu mekanisme untuk mengekalkan daya saing. Analisis di atas menunjukkan bahawa sebagai anggota AFTA, Malaysia berupaya untuk pulih dengan cepat selepas berlakunya kejatuhan FDI kesan daripada krisis kewangan global. Oleh itu, salah satu cara yang boleh digunakan oleh sesebuah negara untuk menggalakkan lebih banyak aliran masuk FDI adalah dengan meningkatkan penglibatan dalam perjanjian perdagangan bebas.

Memandangkan FDI sektor pertanian tidak memberangsangkan, kerajaan disarankan juga untuk memperkenalkan pakej-pakej insentif tambahan seperti pengecualian cukai korporat kepada pelabur asing. Insentif ini boleh diberi kepada bidang pertanian berteknologi tinggi seperti bioteknologi. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang menjadi agensi penggalakan pelaburan terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, disarankan memberi perhatian juga kepada pelaburan dalam sektor pertanian. Satu badan baru boleh juga ditubuhkan yang memberi penekanan dan fokus khas untuk membantu pelabur ke arah menggalakkan pelaburan dalam sektor pertanian.

Perjanjian perdagangan dilihat berjaya meningkatkan perdagangan dengan negara terbabit. Ini dapat dilihat daripada peratus kenaikan import dan eksport yang meningkat dengan sangat signifikan. Kerajaan boleh mengambil inisiatif ini untuk mewujudkan perjanjian perdagangan dengan negara-negara lain yang masih belum mempunyai hubungan dagangan dengan Malaysia. Contohnya, negara Mexico, Taiwan atau negara-negara yang dikenal pasti berpotensi mengadakan perdagangan komoditi pertanian atau barang industri asas tani dengan Malaysia.

3.6 RUMUSAN

Dalam tempoh 58 tahun sejak kemerdekaan, ekonomi Malaysia telah berubah daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berpacukan perindustrian. Penyertaan dalam perdagangan antarabangsa turut mengikuti perubahan ini. Pelaburan langsung asing juga memainkan peranan dalam perubahan ke arah kemajuan sektor perindustrian ini.

Sebahagian besar daripada pengeluaran pertanian negara adalah dalam hasilan tanaman industri seperti kelapa sawit, getah, teh dan koko. Fokus banyak diberikan untuk mengekalkan pengeluaran tanaman industri berbanding dengan tanaman makanan utama yang lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Kadar pertumbuhan tahunan negatif direkodkan bagi pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan, yang mana kesemuanya adalah komoditi makanan utama negara. Oleh itu, status kecukupan bekalan makanan negara belum terjamin.

Bermula daripada penubuhan AFTA sehingga kini, ASEAN konsisten menjadi rakan dagang terbesar negara ini. Malaysia secara umumnya mendapat manfaat daripada AFTA dalam aspek perdagangan intra-ASEAN yang dilihat meningkat sangat tinggi. Selain mewujudkan kawasan perdagangan bebas di kawasan serantau, AFTA turut membuka laluan kepada perdagangan dengan negara yang sebelum ini tiada hubungan dagangan langsung dengan Malaysia, seterusnya mengembangkan pasaran dan aktiviti pelaburan serantau. Lebih penting lagi adalah proses pemulihan yang lebih cepat dilihat selepas berlakunya krisis kewangan.

Sasaran utama AFTA adalah untuk mencapai kadar tarif sifar dan aliran bebas dagangan barang menjelang tahun 2015. Malaysia komited ke arah pengurangan tarif untuk semua produk bawah Senarai Kemasukan di dalam skim CEPT. Ini dapat dilihat daripada tindakan Malaysia memasukkan beras

daripada senarai Sangat Sensitif kepada senarai Kemasukan untuk melalui proses pengurangan tarif.

Walau bagaimanapun, sudah tentu masih banyak yang perlu dilakukan terutama dalam menghadapi dan menghapuskan halangan bukan tarif, serta menambah baik kerjasama serantau serta seragaman peraturan antara negara. Satu lagi cabaran utama yang perlu dihadapi oleh Malaysia dalam perdagangan antarabangsa adalah dalam menguruskan pengeluaran komoditi pertanian atau barang dengan nilai tambah yang lebih tinggi jika ia terus kehilangan kelebihan daya saing dalam pengeluaran makanan utama dan produk pertanian. Keputusan RCA yang terhad kepada beberapa komoditi buah dan beberapa negara telah menunjukkan terdapat buah yang menunjukkan daya saing negara tidak stabil atau semakin lemah dan mungkin diambil alih oleh negara lain.

Perkara lain yang perlu diambil perhatian adalah perjanjian perdagangan terutama di peringkat global kini semakin kompleks dan komprehensif, dan tidak lagi memberi tumpuan kepada isu-isu tradisional seperti pengurangan tarif yang mempunyai kesan ke atas perdagangan barang sahaja. Contoh terbaru adalah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang turut merundingkan isu-isu alam sekitar, tenaga buruh, telekomunikasi dan isu-isu lain di kalangan negara-negara yang terlibat.

Sebagai sebuah ekonomi membangun yang kecil tetapi terbuka, Malaysia perlu bersedia menguruskan rundingan perdagangan dan proses liberalisasi perdagangan yang semakin kompleks ini dengan baik untuk memenuhi kedua-dua objektif pembangunan ekonomi negara dan juga liberalisasi perdagangan. Ini akan menentukan sama ada integrasi serantau melalui ASEAN boleh terus memberi manfaat kepada negara-negara anggota terutamanya untuk pertumbuhan dan pembangunan Malaysia dan penduduknya sendiri.

3.7 RUJUKAN

- Anon. (1993). AFTA Reader Volume I: Questions and Answers on the CEPT for AFTA. Jakarta: ASEAN Secretariat
- Anon. (1995). AFTA Reader Volume II: Questions and Answers on the CEPT for AFTA. Jakarta: ASEAN Secretariat
- Anon. (1995). AFTA Reader Volume III: New Time Frame Acceleration of Tariff Reduction. Jakarta: ASEAN Secretariat
- Anon. (2013). Agrofood statistics 2013. Ministry of Agriculture and Agrobased Industry. Putrajaya: Federal Government Administrative Centre
- Anon. (2015). Central bank report, Central Bank of Malaysia. Diperoleh pada 21 Ogos 2015 dari <http://www.bnm.gov.my/>
- Anon. (2015). MITI in The News. *Intra-Asean trade booming*. Diperoleh pada 13 Mac 2015 dari <http://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/contentafe2.html>
- Anon. (2011). National agrofood policy 2011 – 2020. Ministry of Agriculture and Agrobased Industry. Putrajaya: Federal Government Administrative Centre
- Anon. (2015.). United Nation Commodity Trade (Comtrade), Statistic database, statistic division. Diperoleh pada 10 Januari 2015 dari <http://comtrade.un.org/data/>
- Chen, Y., Ishikawa, J. dan Yu, Z. (2004). Trade liberalization and strategic outsourcing. *Journal of International Economics* 419 – 436
- Cheong, D. (2008). *The effects of AFTA: a disaggregated analysis*. Baltimore dan London: The Johns Hopkins University Press
- Dermoredjo, S.K., Sudaryanto, T. dan Masyhuri, M. (2013). The impact of AFTA to the main food crops sector in Indonesia. Proceedings of the international seminar on the threats and opportunities of the free trade agreements in the Asian region, 29 September – 3 October 2013, Seoul, Korea
- Hapsari, I.M. dan Mangunsong, C. (2006). Determinants of AFTA members' trade flows and potential for trade diversion. *Asia-Pacific research and training network on trade working paper series*. No. 21
- Lim,S. (2013). ASEAN FTA: Is it creating agricultural trades? Proceedings of the international seminar on the threats and opportunities of the free trade agreements in the Asian region, 29 September – 3 October 2013, Seoul, Korea
- Okabe, M. dan Urata, S. (2013). The impact of AFTA on Intra-AFTA trade. *ERIA discussion paper series*. ERIA-DP-2013-05, Japan: ERIA

- See-Yan, L. (2015). *The global economy in turbulent times*. Singapore: John Wiley and Sons
- Suntharalingam, C., Tengku Ariff, T.A., Abu Kasim, A., Rawaida, R. dan Noorlidawati, A.H. (2011). Competitiveness of Malaysia's fruits in the global agricultural and selected export markets: Analyses of revealed comparative advantage and comparative export performance. *Economic and Technology Management Review* 6: 1 – 17
- Tengku Ariff, T.A. (1998). Effects of trade liberalisation on agriculture in Malaysia: institutional and structural aspects. *Working Paper Series*. Working paper 34, The CGPRT Centre
- Zulkornain, Y. (2009). Free trade area and implications to Malaysia's economy. Dalam: Ishak Yussof (Ed.) *Malaysia's economy: past, present and future*. Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre